



Perkara Yang Perlu Diketahui Berkaitan Wang Tak Dituntut



Inisiatif eBerkat MDEC Bantu Usahawan Mikro dan PKS



Suara Pengguna: Aduan Pengurusan Sistem Pengangkutan Awam



BULAN LITERASI KEWANGAN 2020

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK

Bulan Literasi Kewangan Oktober 2020

Bijak Wang Pilihan Saya

**PELABURAN
USIA MUDA,**
simpanan hari tua.



**SEDIAKAN
TABUNG
KECEMASAN**

untuk menampung keperluan perbelanjaan di luar jangkaan.



ISSN 2180-3684



Adakah anda mempunyai sebarang komen mengenai RINGGIT?

Sila imbas kod QR untuk tinjauan bagi Majalah Ringgit.



GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



Bulan Literasi Kewangan Oktober 2020

Bijak Wang Pilihan Saya

“Berdasarkan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan 2018, 1 daripada 3 rakyat Malaysia mempunyai tahap keyakinan yang rendah dalam pengetahuan dan perancangan kewangan mereka,...”

Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) telah melancarkan Bulan Literasi Kewangan (*Financial Literacy Month, FLM 2020*), dengan tema “Bijak Wang Pilihan Saya”. Majlis pelancaran peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia turut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, YB Dato’ Dr. Mah Hang Soon pada 6 Oktober 2020 di Putrajaya.

FEN dianggotai oleh lapan agensi dan diterajui bersama Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ahli-ahli lain adalah Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit serta Permodalan Nasional Berhad.

Pelbagai inisiatif dan program oleh ahli-ahli FEN akan diadakan sepanjang FLM 2020 sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Selaras dengan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019 – 2023, objektif FLM 2020 adalah untuk memberi maklumat, mendidik dan menyokong rakyat Malaysia dalam memantapkan pengurusan kewangan. Ini termasuk melengkapkan individu dengan instrumen dan pengetahuan untuk mencapai matlamat kewangan, menguruskan hutang dan melindungi diri mereka daripada penipuan kewangan.

Berdasarkan Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan 2018, 1 daripada 3 rakyat Malaysia mempunyai tahap keyakinan yang rendah dalam pengetahuan dan perancangan kewangan mereka, 52% rakyat Malaysia berasa sukar untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan dan hampir separuh rakyat Malaysia tidak yakin bahawa mereka mempunyai simpanan yang mencukupi untuk persaraan.

Memandangkan rakyat Malaysia juga menghadapi cabaran kewangan akibat pandemik COVID-19, FLM 2020 menyediakan lebih 100 program bertujuan untuk memperkasakan individu dalam membuat keputusan kewangan yang bijak dengan instrumen dan pengetahuan yang tepat.

Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Maizatul Aqira Ishak
Baskaran Sithamparam
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan secara berkala sebanyak enam edisi mulai tahun 2019. Untuk muat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7876 2009

Faks: 03-7877 1076

E-mel : fomca@fomca.org.my

Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 03-2698 8044

Diurus terbit oleh:

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 24, Jalan SS1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7875 2392

E-mel : info@crcc.org.my

Sesawang : www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

فرجیتکن اساس جاي (مليسيا) سنديرين برحد

Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2

Bandar Puchong Jaya

47100 Puchong Jaya

Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



KUASAI KEWANGAN ANDA dengan ilmu pengurusan kewangan yang berhemat.



BULAN LITERASI KEWANGAN | OKTOBER 2020



FOMCA berpendapat pelancaran FLM 2020 ini adalah bertepatan dengan keadaan sekarang berikutan ramai pengguna yang terkesan kewangan mereka akibat daripada pandemik Covid-19. FOMCA berharap para pengguna dapat mengambil peluang yang ada untuk mengikuti program-program yang telah diatur dan diadakan sepanjang FLM 2020.

Program-program ini merangkumi pengenalan kepada alat-alat kewangan sendiri, ceramah pendidikan kewangan, webinar, kuiz, pertandingan, perbincangan dan pameran secara maya. Program-program tersebut terbuka kepada orang ramai sepanjang Oktober 2020. Bersempena FLM 2020, FOMCA juga turut mengadakan aktiviti pendidikan kewangan bersasar bertujuan untuk memberi pendidikan kewangan khusus kepada golongan muda yang baru mula untuk bekerja supaya mereka lebih mengetahui cara-cara untuk menguruskan kewangan mereka dan lebih memahami persediaan untuk persaraan mereka.

Pengguna boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program yang dijalankan sepanjang FLM 2020, serta rakaman sebahagian daripada program terbabit dengan melayari <https://www.fenetwork.my/>.

Perkara Yang Perlu Diketahui Berkaitan Wang Tak Dituntut

Bermula tahun 2020, pihak kerajaan melalui Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah memperkenalkan portal yang membolehkan pengguna membuat semakan Wang Tak Dituntut (WTD) secara atas talian. Kini, pengguna hanya boleh menggunakan laman sesawang yang telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk menyemak WTD. FOMCA juga telah menerima banyak panggilan daripada pengguna untuk mengetahui cara untuk menyemak WTD.

WTD merupakan sejumlah wang milik mana-mana individu atau syarikat sama ada dalam bentuk akaun simpanan, dividen, tuntutan insurans, bank draf atau sebagainya, dan tidak dituntut oleh pemiliknya untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Sehingga 31 Oktober 2019 yang lalu, jumlah serahan WTD yang diterima oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia adalah sebanyak RM10.862 bilion.


Apa itu Wang Tak Dituntut?

Terdapat tiga (3) kategori WTD:

1. Wang yang perlu dibayar di sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam satu tempoh masa tidak kurang dari satu (1) tahun.

Contoh di bawah kategori ini ialah:

- gaji, upahan, bonus, komisen dan wang lain yang kena dibayar kepada kakitangan
- dividen
- keuntungan yang diisytiharkan untuk dibahagikan
- tuntutan insurans yang telah diluluskan untuk bayaran
- draf bank, *cashier's order* dan dokumen lain yang mempunyai fungsi yang serupa di mana tempoh sah lakunya telah luput
- simpanan tetap (tanpa arahan pembaharuan automatik) yang telah matang
- cagaran dan deposit apabila tujuan wang itu dikutip telah tercapai
- pemiutang pelbagai atau penghutang pelbagai berbaki kredit



2. Wang dalam kredit sesuatu akaun yang telah tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam satu tempoh masa tidak kurang dari tujuh (7) tahun.

Contoh di bawah kategori ini ialah:

- akaun simpanan
 - akaun semasa
 - simpanan tetap (yang mempunyai arahan pembaharuan automatik)
3. Wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa urusan niaga dalam satu tempoh masa tidak kurang dari dua (2) tahun, seperti:

- akaun pemiutang dagangan
- akaun penghutang dagangan berbaki kredit

Cara Membuat Semakan Wang Tak Dituntut

Hanya individu dan syarikat/firma dibenarkan untuk membuat semakan WTD secara atas talian melalui nombor pengenalan diri dan nombor pendaftaran syarikat.



“WTD merupakan sejumlah wang milik mana-mana individu atau syarikat sama ada dalam bentuk akaun simpanan, dividen, tuntutan insurans, bank draf atau sebagainya, dan tidak dituntut oleh pemiliknya untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.”

Pemohon boleh membuat semakan WTD secara atas talian dengan mengikuti langkah-langkah seperti berikut:

1

Layari pautan portal
<https://egumis.anm.gov.my/>

2

Buat pendaftaran pengguna secara atas talian. Pengguna akan terima emel menyatakan kata laluan sementara untuk log masuk ke portal.

3

Log masuk portal menggunakan kata laluan sementara yang diemel. Pengguna perlu menukar kata laluan baharu.

4

Kemaskini maklumat pengguna.

5

Klik pada **“KLIK DI SINI UNTUK CARIAN WANG TAK DITUNTUT”** untuk membuat semakan WTD melalui nombor pengenalan diri dan cetak maklumat WTD tersebut (jika ada).

Sekiranya pengguna tidak log masuk ke portal *Electronic Government Unclaimed Money Information System* (eGUMIS) setelah menerima kata laluan sementara melebihi 30 hari, akaun pengguna tersebut akan dinyahaktifkan secara automatik.

Semakan WTD atas talian boleh dibuat di portal rasmi eGUMIS di <https://egumis.anm.gov.my/>. Sistem tersebut boleh diakses terus di portal rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia bermula 1 Januari 2020.

Tempoh masa bagi akaun pengguna eGUMIS

Tempoh aktif adalah 6 bulan sahaja daripada tarikh terakhir log masuk ke portal eGUMIS. Akaun pengguna akan dinyahaktif secara automatik dan pengguna perlu mendaftar sebagai pengguna baharu.



“Permohonan yang lengkap dengan cetakan maklumat wang tak dituntut dan dokumen sokongan boleh dikemukakan secara pos ...”

Senarai semak dokumen yang diperlukan eGUMIS

Bagi membuat permohonan tuntutan WTD, ada beberapa dokumen perlu dibawa bersama antaranya:

- Borang UMA-7 yang lengkap diisi dan ditandatangani.
- Salinan kad pengenalan (hadapan dan belakang) bagi warganegara/pasport pemohon yang disahkan oleh Notari Awam/Pegawai Konsulat Negara berkenaan bagi bukan warganegara.
- Salinan cetakan carian WTD yang lengkap dengan nama dan nombor pengenalan empunya sama dengan maklumat pemohon daripada portal eGUMIS.
- Dokumen asal (contoh: buku bank/sijil simpanan tetap dan lain-lain).
- Surat pengesahan daripada syarikat yang membuat serahan WTD hendaklah disertakan jika dokumen asal tiada.
- Salinan muka hadapan buku akaun/penyata bank pemohon yang aktif serta disahkan oleh pihak bank (bayaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun)
- Sekurang-kurangnya dua (2) daripada tiga (3) dokumen berikut:**
 - i. Borang pembelian asal *banker's cheque*/bank draf/*cashier's order* yang mempunyai cetakan bank yang jelas bagi maklumat transaksi tersebut.
 - ii. *Banker's cheque*/bank draft/*cashier's order* yang asal.
 - iii. Surat pengesahan daripada bank penyerah WTD kepada Pendaftar yang menyatakan maklumat pembeli dan penerima *banker's cheque*/bank draft/*cashier's order* mengikut format yang ditetapkan.

**** Sekiranya individu yang ingin membuat permohonan tuntutan WTD bagi jenis Banker's Cheque, Bank Draft, Demand Draft, Cashier's Order.**

Nota: Akaun tabung haji/Akaun pelaburan/Akaun pinjaman tidak dibenarkan

Di manakah pemohon boleh mengemukakan permohonan yang lengkap?

Permohonan yang lengkap dengan cetakan maklumat wang tak dituntut dan dokumen sokongan boleh dikemukakan secara pos (digalakkan secara Pos Berdaftar) atau melalui kaunter di kaunter Pendaftar Wang Tak Dituntut atau di mana-mana Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri/Cawangan seperti di pautan portal berikut: <http://www.anm.gov.my/index.php/direktori-ag/direktori-janm-negeri-cawangan-bahagian-akaun-kementerian/maklumat-janm-negeri-dan-cawangan>

Pejabat Pendaftar WTD

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut

Aras 1, Perbendaharaan 2
Presint 2, 62594 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel : 03-8000 8600

Waktu urusan :

Isnin - Khamis: 9.00 pg - 3.00 ptg
Jumaat : 9.00 pg - 12.30 tgh hari
Tutup : Sabtu, Ahad & Cuti Umum

Nota: Pendaftar mempunyai kuasa mutlak dan berhak meminta apa-apa dokumen tambahan walaupun pemohon telah menyertakan semua dokumen yang disenaraikan di atas bagi tujuan pembayaran balik WTD kepada pemohon.

Tiada sebarang caj dikenakan ke atas permohonan bayaran WTD dan bayaran serahan WTD adalah melalui *Online Banking*.

FOMCA ingin mengingatkan para pengguna bahawa Kementerian Kewangan Malaysia atau Pendaftar Wang Tak Dituntut tidak pernah melantik mana-mana individu/firma/syarikat sebagai orang tengah atau ejen untuk urusan tuntutan bayaran balik WTD. Oleh itu, pastikan anda sentiasa berwaspada sekiranya terdapat mana-mana pihak yang cuba memanipulasi WTD dengan mengenakan sebarang caj tambahan kepada anda.

Sumber: www.anm.gov.my

Inisiatif eBerkat™

MDEC bantu usahawan mikro dan PKS



Ketidaktentuan ekonomi yang sedang berlaku akibat pandemik Covid-19 telah membawa impak ketara terhadap kehidupan rakyat Malaysia khususnya usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), usahawan mikro dan pekerja di sektor tidak formal. Majoriti terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40) yang mempunyai kemampuan ekonomi yang terhad boleh mengakibatkan golongan ini tergelincir dalam kumpulan rentan kewangan dengan mudah.

Bagi membantu usahawan mikro dan PKS, *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah memperkenalkan program eBerkat. Ianya merupakan inisiatif untuk membantu rakyat Malaysia meningkatkan kesedaran dan ilmu pengetahuan tentang perkhidmatan kewangan digital. Inisiatif ini diharap dapat membantu untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam mengawal situasi kewangan melalui platform digital sekaligus melahirkan komuniti yang lebih berkemampuan bagi membentuk masa depan.

Bagi tujuan ini, MDEC telah bekerjasama dengan beberapa syarikat teknologi kewangan (Fintech) dan penyedia perkhidmatan industri kewangan yang diiktiraf kerajaan menggunakan strategi SLIP iaitu *Savings* (simpanan), *Lending* (pembiayaan), *Investment* (pelaburan) dan *Payment* (pembayaran). Strategi SLIP memberikan tumpuan kepada prinsip mudah, mampu dan pantas serta produk patuh syariah. MDEC juga menyediakan platform eBerkat untuk meningkatkan kesedaran dan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang perkhidmatan kewangan digital yang disediakan. Untuk maklumat lanjut layari <https://mdec.my/eberkat/>

i. Maklumat tentang pembiayaan modal melalui saluran alternatif

- eBerkat memberikan pendedahan kepada usahawan mikro terhadap pembiayaan kecil, serendah RM1,000 yang boleh dipohon untuk membiayai kos seperti modal pusingan, membeli mesin dan peralatan bagi tujuan pembuatan, kos pemasaran dan sebagainya.
- Usahawan kecil mungkin sukar mendapatkan pembiayaan sebegini melalui institusi kewangan tradisional.
- Produk pembiayaan alternatif mungkin lebih sesuai dan usahawan boleh terus ke pautan melalui platform eBerkat untuk membuat permohonan secara atas talian kepada syarikat teknologi kewangan (Fintech) yang telah menjalin kerjasama dengan MDEC.
- Pelbagai saluran disediakan seperti platform *Peer-to-peer* (P2P), pembiayaan terus (*direct financing*) dan pembiayaan invoice (*invoice financing*).

ii. Pendedahan kepada perlindungan insurans mikro

- Melalui e-Berkat, MDEC memberi kesedaran tentang risiko terhadap usahawan mikro dan PKS, seperti kemalangan diri dan kecederaan semasa mencari rezeki, kerosakan aset perniagaan seperti *food truck*, mesin pemprosesan dan sebagainya.
- Produk insurans mikro dapat membantu memberikan jaminan perlindungan sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan ketika bertugas.
- Seperti pembiayaan, platform eBerkat menyediakan pautan kepada pengguna untuk mendapatkan sebut harga dan melangani perlindungan insurans mikro secara atas talian.
- Produk sebegini amat sesuai untuk usahawan mikro mahupun pekerja ekonomi *Gig* yang memerlukan perlindungan dalam jumlah yang kecil dan tempoh yang singkat.

iii. Pelaburan pintar untuk masa hadapan

- eBerkat juga menyediakan maklumat dan pautan bagi pengguna untuk melabur secara mudah dan selamat.
- Pengguna boleh pergi ke pautan yang disediakan untuk membuat pelaburan secara atas talian bermula dengan hanya RM1, tanpa halangan tradisional pelaburan seperti akaun minimum pembrokeran atau jumlah pelaburan minimum yang besar.
- Peluang pelaburan melalui platform eBerkat adalah antara perkhidmatan yang ditawarkan sekiranya ada yang ingin melabur secara digital.
- Menurut dokumen Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023, 6 daripada 10 rakyat dewasa di Malaysia tidak dilindungi oleh sebarang sistem persaraan atau pencen yang formal, seperti skim pencen kerajaan ataupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Platform pelaburan ini sudah tentu dapat membantu usahawan mikro dan mereka yang bekerja di sektor informal untuk membuat simpanan hari tua secara berkala dan sistematik.

Sumber: www.mdec.my

Anda suka bergaul tetapi kurang teliti dan cepat cemas?

Berhati-hatilah dengan Skim Cepat Kaya!



Menurut kajian terkini yang dilakukan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM), individu yang mempunyai personaliti tertentu didapati lebih cenderung menjadi mangsa Skim Cepat Kaya. Hasil kajian yang dijalankan ini berdasarkan Model Lima Personaliti Utama [*Personality Big Five Inventory (BFI) Model*] mungkin boleh dijadikan sebagai panduan untuk kita lebih berhati-hati dan mengambil langkah yang sewajarnya dalam membendung diri sendiri serta rakan taulan daripada terjebak dengan Skim Cepat Kaya.

Ciri-ciri personaliti mangsa Skim Cepat Kaya

1. Suka bergaul

- Golongan yang berada dalam kategori ini biasanya bersikap mesra, penuh bertenaga dan sentiasa bersikap positif.
- Walaupun sikap ini amat disenangi, ia juga membuka ruang kepada *scammer* untuk mendekati bagi mempromosi dan seterusnya memerangkap mangsa ke dalam Skim Cepat Kaya.




2. Kurang teliti

- Golongan yang mudah terjejas dengan tekanan psikologi (*Neurotisme*) selalunya menjadi kurang teliti atau sering mengalah kepada tekanan *scammer*.
- Apabila menghadapi tekanan, mereka akan membuat keputusan terburu-buru tanpa menyemak terlebih dahulu dengan pihak berkuasa mahupun rakan atau ahli keluarga yang lebih arif.



3. Cepat cemas


- Seseorang yang cenderung untuk cepat cemas mudah dieksploitasi. *Scammer* mudah mengambil kesempatan dengan mendakwa peluang yang ditawarkan adalah terhad dan menjerumuskan mereka dalam Skim Cepat Kaya.



Kenali personaliti anda

Anda boleh memahami lebih lanjut personaliti anda dengan mengambil ujian personaliti BFI. Terdapat laman web percuma yang boleh anda layari untuk memahami lebih lanjut mengenai kecenderungan personaliti anda seperti <https://bigfive-test.com/>.

Personaliti anda bukanlah penentu utama menyebabkan anda akan menjadi mangsa Skim Cepat Kaya. Namun, ia boleh dijadikan panduan untuk lebih berhati-hati daripada dieksploitasi oleh *scammer* Skim Cepat Kaya, terutamanya golongan yang mempunyai ciri-ciri personaliti bersifat sosial yang tinggi (*Extraversion*), tidak tahan tekanan secara psikologi dan emosi (*Neuroticism*) ataupun mudah cemas sekiranya dalam situasi yang tak terduga (*Conscientiousness*).



“Personaliti anda bukanlah penentu utama menyebabkan anda akan menjadi mangsa Skim Cepat Kaya. Namun, ia boleh dijadikan panduan untuk lebih berhati-hati daripada dieksploitasi oleh *scammer* Skim Cepat Kaya, ...”


Apakah tip untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa Skim Cepat Kaya?

1



Jangan buat keputusan terburu-buru atau secara impulsif.

2



Jangan rasa bersalah untuk menolak pelawaan atau tawaran.

3



Semak dengan pihak berkuasa ataupun rakan taulan yang lebih arif.

Anda juga boleh mengikuti laman **Facebook Amaran Scam** untuk mendapat maklumat-maklumat terkini mengenai Skim Cepat Kaya dan penipuan kewangan lain agar dapat menghindar diri dan orang yang tersayang daripada menjadi mangsa (<https://www.facebook.com/amaranpenipuan/>).



Suara Pengguna: Aduan Pengurusan Sistem Pengangkutan Awam

Dunia kian berkembang pesat termasuklah perkhidmatan pengangkutan awam yang kini jauh lebih baik jika dibandingkan dengan satu dekad yang lalu. Di Malaysia pihak kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan untuk menambah baik mutu pengurusan pengangkutan awam. Namun demikian, FOMCA masih menerima pelbagai jenis aduan berkaitan dengan pengurusan sistem pengangkutan awam. Pada tahun 2019, aduan daripada pengguna meningkat daripada 1,110 kes (2018) kepada 1,210 kes. Jumlah anggaran kos kerugian yang dialami oleh pengguna dianggarkan sebanyak RM1.47 juta.

Dengan kemajuan teknologi yang telah disediakan oleh syarikat-syarikat pengangkutan awam, ramai pengguna telah mula menggunakan kemudahan pembelian tiket atas talian untuk memudahkan urusan tempahan dan pembelian tiket perjalanan tanpa perlu beratur. Telefon mudah alih merupakan medium utama dalam urusan tempahan tiket.

Walau bagaimanapun, aduan yang diterima daripada pengguna turut meningkat kerana pengendalian sistem atas talian yang diperkenalkan tidak begitu cekap. Sebanyak 28.02% atau 339 aduan telah diterima berkaitan dengan tempahan tiket atas talian seperti pembelian tiket Tren Elektrik Ekspres (ETS), tiket penerbangan dan tiket bas. Aduan yang diketengahkan oleh pengguna adalah kebanyakannya mengenai tiket yang telah ditempah atas talian didapati tidak sah dan tidak boleh digunakan setibanya pengguna di stesen pengangkutan awam.

Oleh itu, mereka terpaksa membeli tiket yang baru untuk meneruskan perjalanan tersebut. Malahan terdapat kes tiket yang telah ditempah melalui atas talian, tidak dibayar balik oleh syarikat tersebut.

Selain itu, FOMCA juga menerima aduan berkaitan penggunaan kad "Touch 'n Go" di lebuh raya, di mana pengguna jalan raya seringkali mengadu mereka terpaksa membayar dua kali kerana apabila mereka menambah nilai dalam kad mereka di kaunter yang dibenarkan, nilai yang dibayar tidak ditambah ke dalam kad mereka. Ini menyebabkan perjalanan mereka sering kali mengalami masalah.

FOMCA berpendapat bahawa pihak pengurusan dan pihak berkuasa perlu mengkaji semula keseluruhan sistem pengurusan pembayaran eletronik yang menimbulkan pelbagai masalah kepada para pengguna. Apa gunanya menggalakkan para pengguna menggunakan sistem pembayaran eletronik tetapi ianya masih tidak cekap dan menimbulkan pelbagai kesukaran dan kerugian. Para pengguna lain juga turut terkesan apabila tersekat di laluan tol yang boleh mengakibatkan kesesakan lalu lintas terutamanya ketika waktu puncak.





Di samping itu, kualiti perkhidmatan pengangkutan awam mencatatkan jumlah aduan kedua tertinggi. Jumlah aduan yang diterima adalah sebanyak 22.89% atau 277 aduan. Antara aduan yang diterima adalah berkaitan pengguna tidak mendapat maklumat yang tepat dan terkini. Terdapat juga aduan yang diterima berkenaan pengangkutan awam yang tidak menggunakan laluan yang sepatutnya untuk mengambil dan menurunkan penumpang. Keadaan bas dan teksi yang kotor serta dipenuhi serangga turut ditekankan oleh pengguna.



Kelewatan dan penjadualan semula perjalanan turut disuarakan oleh pengguna kepada FOMCA iaitu sebanyak 215 aduan atau 17.77%. Kelewatan penjadualan semula dan pembatalan perjalanan pada tarikh yang telah ditetapkan akan menimbulkan pelbagai masalah kepada penumpang khususnya kepada mereka yang berulang alik ke tempat kerja atau mempunyai urusan keluarga yang penting.

Kadar kemalangan yang melibatkan kenderaan pengangkutan awam juga turut membimbangkan kerana ianya melibatkan

SUNGAI PETANI >> SENTRAL KUALA LUMPUR
 16/02/2016 1030 Tiba: 16/02/2016 1
 9213 - ETS PDG BESAR - KLS
 AS PREMIER (ETS1) (CMB)
TAMBANG
88.00 / T

nyawa para pengguna. Sebanyak 15.87% daripada jumlah keseluruhan aduan adalah mengenai isu keselamatan para penumpang.

FOMCA berpendapat bahawa Agensi Pengangkutan Darat (APAD) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia harus memantau semua kenderaan pengangkutan awam secara berkala mahu pun membuat pemeriksaan mengejut atau 'spot check' untuk memastikan ianya selamat dan sesuai digunakan untuk membawa penumpang. Di samping itu, mereka juga perlu memastikan syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam mematuhi semua peraturan demi keselamatan dan keselesaan para penumpang.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

PELABUR YANG DILINDUNGI ADALAH PELABUR YANG BERMAKLUMAT



Pelabur yang bermaklumat
dapat mengelakkan diri
daripada terjebak dalam
penipuan, eksploitasi
mahupun kesilapan
dalam pelaburan

INISIATIF PENDIDIKAN PELABUR MENGGALAKKAN



Keputusan
pelaburan
berdasarkan
maklumat



Perancangan
kewangan
dan persaraan
yang lebih baik



Pengumpulan
kekayaan yang
lebih mampan



Kesedaran
mengenai hak dan
tanggungjawab
pelabur



Pendidikan pelaburan
merupakan strategi utama
dalam meningkatkan keyakinan
dan pemeraksanaan pelabur



Layari laman
sesawang InvestSmart[®]
di www.investsmartsc.my
untuk maklumat lanjut

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan & InvestSmart[®]

Infografik Bernama

BULAN LITERASI KEWANGAN | OKTOBER 2020



BULAN LITERASI KEWANGAN 2020

FEN FINANCIAL
EDUCATION
NETWORK

Dianjurkan oleh: